



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PENYAMPIAN SURATCARA PELANTIKAN
DAN ANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA
PESURUHJAYA KEHAKIMAN MAHKAMAH TINGGI

Majlis penyampian suratcara pelantikan dan angkat sumpah jawatan dan taat setia Pesuruhjaya Kehakiman diadakan pada 30 Mac 2018 di Istana Kehakiman, Putrajaya. Seramai tujuh (7) orang telah mengangkat sumpah jawatan dan taat setia sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi.

PESURUHJAYA KEHAKIMAN

1) YA Dato' Ahmad Fairuz bin Zainol Abidin

YA Dato' Ahmad Fairuz bin Zainol Abidin dilahirkan pada 22 Ogos 1969 di Kuala Lumpur. YA merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University of Wales College of Cardiff, United Kingdom dan *Barrister-at-Law Lincoln's Inn, London* dan *Chevening Fellow for Democracy, Rule of Law and Security* di University of Birmingham, United Kingdom. YA juga memperolehi *Master in Criminal Justice* dari Universiti Malaya dan *Master in Prosecutions* dari University of Wollongong, Australia.

YA Dato' Ahmad Fairuz bin Zainol Abidin memulakan kerjaya sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara. YA juga pernah menjadi Penasihat Undang-Undang anak-anak syarikat Exxonmobil dan Petron di Malaysia. YA juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif dan jawatan terakhir YA ialah Timbalan Ketua Eksekutif / Ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

2) YA Dato' Mohd Radzi bin Harun

YA Dato' Mohd Radzi bin Harun dilahirkan pada 13 Januari 1965 di Teluk Intan, Perak. YA merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam bidang *International Human Rights Law* dari University of Nottingham, United Kingdom.

YA Dato' Mohd Radzi bin Harun memulakan kerjaya sebagai seorang Majistret di Mahkamah Majistret Teluk Intan. Sepanjang tempoh perkhidmatan, YA pernah berkhidmat di pelbagai Bahagian di Jabatan Peguam Negara iaitu sebagai Penasihat Undang-Undang di Kementerian Pengangkutan Jalan dan Kementerian Pengangkutan Malaysia, Timbalan Pendakwa Raya, Pegawai khas kepada Peguam Negara, Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Penasihat dan Antarabangsa, Ketua Unit, Ketua Seksyen, Timbalan Ketua Bahagian dan Ketua Bahagian di Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa. Jawatan terakhir YA ialah sebagai Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Kementerian Kewangan.

3) YA Dato' Hajah Aliza Sulaiman

YA Dato' Hajah Aliza Sulaiman dilahirkan pada 13 Disember 1966 di Kuala Lumpur. YA merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Australian National University dan memperolehi Ijazah Sarjana Undang-Undang (Dengan Kepujian) dari Universiti Malaya.

YA Dato' Hajah Aliza Sulaiman memulakan kerjaya sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Klang. YA juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri, Peguam Kanan Persekutuan dan Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Peguam Negara, Pengarah Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang dan Penasihat Undang-Undang di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang. Jawatan terakhir YA ialah Pengarah Kanan Seksyen Undang-Undang di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri.

4) YA Datuk Meor Hashimi bin Abdul Hamid

YA Datuk Meor Hashimi bin Abdul Hamid dilahirkan pada 24 Januari 1966 di Ipoh, Perak. YA merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

YA Datuk Meor Hashimi bin Abdul Hamid memulakan kerjaya pada tahun 1990 sebagai Peguam Persekutuan di Kementerian Pertahanan Malaysia dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka. Selanjutnya, YA pernah bertugas sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan, Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). YA juga pernah bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka. Jawatan terakhir YA ialah sebagai Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi / Timbalan Pegawai Penerima di Jabatan Insolvensi Malaysia.

5) YA Puan Wong Chee Lin

YA Puan Wong Chee Lin dilahirkan pada 01 Ogos 1960 di Sibu, Sarawak. YA merupakan lulusan *Bachelor of Politics, Philosophy and Economics (PPE)(Hons)* dari Hertford College, Oxford University. YA juga mempunyai kelulusan Diploma Undang-Undang dari City University dan *Barrister-at-Law* Lincoln's Inn, London.

YA Puan Wong Chee Lin memulakan kerjaya pada tahun 1985 sebagai Peguambela dan Peguamcara di Tetuan Skrine, Kuala Lumpur. Mulai tahun 1994, YA telah menjadi rakan kongsi di firma yang sama.

6) YA Tuan Darryl Goon Siew Chye

YA Tuan Darryl Goon Siew Chye dilahirkan pada 22 Jun 1956 di Ipoh, Perak. YA merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University of London dan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari King's

College, London. YA juga mempunyai kelulusan Diploma dalam bidang *Air & Space Law* dari London Institute of World Affairs dan *Barrister-at-Law* dari Lincoln's Inn, London.

YA Tuan Darryl Goon Siew Chye memulakan kerjaya sebagai Peguambela dan Peguamcara di Tetuan Mah-Kok & Din, Kuala Lumpur. Selanjutnya, pada tahun 1993, YA telah menjadi rakan kongsi di Tetuan Raja, Darryl & Loh, Kuala Lumpur.

7) **YA Dr. Lim Hock Leng**

YA Dr. Lim Hock Leng dilahirkan pada 01 Julai 1962 di Sabah. YA merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari University of Buckingham, United Kingdom. YA juga mempunyai lulusan Ijazah Sarjana Undang-Undang dan PhD dari University of Kent, Canterbury.

YA Dr. Lim Hock Leng memulakan kerjaya sebagai Peguambela dan Peguamcara di Tetuan Lim Guan Sing & Co, Kota Kinabalu Sabah semenjak tahun 1993 sehingga kini.

**BERTARIKH 30 MAC 2018
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**